

Pembukaan khidmat MRT Laluan Thomson-East Coast (TEL) membantu penduduk lebih terhubung. Di sebalik rangkaian laluan terbaru itu, ada ramai kakitangan SMRT TEL yang bertugas di belakang tabir demi memastikan perjalanan penumpang selesai lagi selamat. Berikut kami paparkan tugas beberapa kakitangan SMRT TEL.

Jurutera kanan SMRT TEL teruja bantu luaskan rangkaian rel

► ADLI YASHIR KUCHIT
adli@sph.com.sg

SEBAGAI jurutera wanita Cik Nurdyana Fatin Sidik tidak rasa kekok atau kurang selesa bekerja dalam industri yang lazimnya dipenuhi kaum Adam.

Ini kerana majikannya, SMRT Thomson-East Coast Line (TEL) menitik beratkan budaya saling menghormati, saling membantu dan saling memastikan keselamatan pekerja-janya.

Setelah bekerja selama empat tahun di SMRT, beliau perhatikan terdapat peluang saksama untuk semua pekerja syarikat itu.

"Pengalaman saya bekerja dengan pasukan penyelenggaraan di lapangan amat menyenangkan biarpun saya satu-satunya jurutera wanita dalam pasukan itu," kata Cik Nurdyana, 29 tahun.

Lulusan sarjana Teknologi Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Infrastruktur Mampam (Darat) dan sarjana muda dalam bidang sama dari Institut Teknologi Singapura (SiT), Cik Nurdyana terpicut dengan industri rel selepas menyertai program kerja sambil belajar di SMRT.

"La detik permulaan mendapatkan pendidikan praktikal dalam industri rel," kata beliau yang masih belum berumah tangga.

Semasa menjalani program tersebut beliau dikerahkan ke cawangan Isyarat Kereta Aoi NSEWL.

"Ja merupakan pengalaman pembelajaran yang hebat kerana ia memberi saya peluang memahami dengan lebih mendalam tuntutan teknikal dan kejuruteraan yang dihadapi oleh SMRT.

Dari situ saya dapat hargai usaha SMRT-memenuhi cabaran bagi industri pengangkutan di Singapura," tambah beliau.

Cik Nurdyana juga dapat melihat bagaimana industri rel dan rancangan memperluaskan rangkaian kereta api, dengan mewujudkan lebih banyak stesen dan laluan, dapat memberi manfaat kepada penumpang di kawasan perumahan dan kawasan perindustrian Singapura.

Menerangkan sedikit tentang kerjaya sebagai jurutera rel, Cik Nurdyana berkata jurutera di peringkat eksekutif didedahkan kepada pelbagai peralatan merentas sistem kecil.

Peluang sedemikian mendalamkan pengetahuan dan kefahaman bagaimana peralatan yang berbeza, seperti kereta api, peralatan di laluan dan rangkaian sistem berfungsi dengan satu sama lain.

"Sebagai seorang jurutera, saya ingin mencabar diri sendiri dan mengembangkan perspektif dan pengetahuan saya melebihi apa yang saya ketahui dalam bidang penyelenggaraan.

Beliau berkhidmat selama tiga tahun di SMRT Trains sebelum memohon menyertai SMRT TEL sekitar setahun lalu.



JAWATAN PENTING: Cik Nurdyana Fatin Sidik menggesa golongan muda supaya mengikuti kursus kejuruteraan, seperti rel, kerana ia memainkan peranan penting untuk masa depan negara. – Foto-foto SMRT

Ketika menyertai SMRT TEL, laluan itu berada di Peringkat 2 dan ia sedang berkembang secara progresif ke arah Peringkat 3 hingga 5.

"TEL membuka tabir pengalaman dan perjalanan pembelajaran tentang keadaan sebelum laluan kereta api beroperasi dan dibuka kepada penumpang. Saya teruja terlibat dalam perjalanan ini dan berkembang bersama syarikat," ujar beliau.

Mengongsi tentang skop tugasnya sebagai jurutera kanan, Cik Nurdyana berkata beliau perlu menyemak reka bentuk, risiko, keselamatan dan metodologi untuk isyarat dan sistem pintu skrin platform bagi TEL dan memastikan sistem tersebut selamat digunakan.

"Pada masa ini, kami sedang menggunakan TEL Peringkat 3 yang terdiri daripada 13 stesen. Saya juga ghairah melibatkan diri dalam TEL Peringkat 4 dan 5," katanya.

Ditanya tentang pengajaran yang diraih, Cik Nurdyana berkata keupayaan berhubung dan berkomunikasi dengan kakitangan adalah sesuatu yang sangat penting. Beliau menambah cara menguruskan pekerja

adalah set kemahiran penting yang mesti dicapai demi mewujudkan tempat kerja yang indah.

Tentang cara beliau menangani cabaran harian, beliau berkata hari yang baik adalah apabila hasil kegiatan projek yang dirancang berjalan dengan teratur.

"Hari yang buruk adalah apabila hasilnya tidak seperti yang diharapkan.

"Tetapi apa yang lebih penting ialah anda mesti bersedia mencuba biarpun masanya lebih sukar.

Mencuba bermakna anda mungkin gagal, tetapi ia juga merupakan peluang untuk belajar, pelajari semula pengalaman dan pengetahuan baru.

"Adalah penting untuk melihat ke hadapan, daripada memikirkan masa lalu," ujar beliau.

Mengulas tentang prospek kerjaya dalam industri rel, Cik Nurdyana memerhatikan, industri rel semakin berkembang.

"La lebih daripada sekadar kereta api yang menyediakan peneanekutan awam. Ia

merangkumi banyak sistem dan sistem kecil seperti landasan, sistem kuasa, kawalan isyarat dan komunikasi, stesen dan yang tidak kurang penting – perkhidmatan yang kami sediakan kepada penumpang.

Tentang budaya pembelajaran di syarikat itu, beliau berkata jurutera muda diberikan program holistik di mana mereka boleh bekerja bersama-sama dengan pasukan di lapangan.

"Di TEL, kami bekerjasama sebagai pasukan dengan mempelajari dan mengajar apa yang kami tahu tentang isu yang dihadapi dan cara mengatasinya. Kami mendapat manfaat apabila kami saling membantu, yang mana saya bersyukur kerana rakan sekerja sudi berkongsi ilmu dengan mereka yang lebih muda dan kurang berpengalaman."

"Sebagai seorang jurutera wanita di SMRT dan TEL, saya ingin menggalak belia Singapura supaya mengikuti kursus kejuruteraan, seperti rel, kerana ia memainkan peranan penting dalam masa depan negara," ujar beliau.